

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 4 TAHUN 2015

**PENJELASAN BERKENAAN KAEDAH PENGENAAN PREMIUM
BAGI TUJUAN PEMBERIMILIKAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 76
KANUN TANAH NEGARA 1965**

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berkenaan tatacara pengiraan/pengenaan premium ke atas tanah yang hendak disyorkan kelulusan untuk tujuan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumi oleh semua Pentadbir Tanah, premium pemberimilikan tanah dibawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 telah ditetap dibawah Kaedah 10 Kaedah-kaedah Tanah Kelantan 1966.
3. Berasaskan kaedah tersebut terdapat 3 jenis premium yang patut dikenakan seperti berikut :-
 - (a). Premium Biasa (mengikut nilai pasaran yang ditetapkan) bagi kategori bangunan dan perusahaan dan mengikut kelas tanaman bagi pertanian seperti yang ditetapkan dibawah Kaedah 9A Kaedah-kaedah Tanah Kelantan 1966.
 - (b). Premium denda (mengikut Kaedah 10(b)A bagi tanah desa kategori pertanian) rujuk Pekeliling PTG.KN. 5/1999.
 - (c). Premium tambahan bagi tanah pertanian yang telah dibangunkan atau mempunyai tanaman yang bernilai ekonomi sebanyak 25% dari nilai pasaran tanah berkenaan yang mungkin dikenakan.
4. Bagi tujuan penyelarasan dan bagi mengelakkan pengenaan premium yang tidak munasabah (terlalu rendah) mesyuarat Pentadbir Tanah dalam sidang kali pertama pada 03 April 2014 telah bersetuju supaya nilai pada tanah kerajaan diambil kira berdasas tidak kurang 25% dari nilai tanah sekitar yang


mempunyai hakmilik atau kadar lain yang lebih munasabah pada pendapat Pentadbir Tanah terhadap kes-kes tertentu.

5. Penetapan ini dibuat bagi mengelakkan pengenaan premium yang tidak munasabah (terlalu rendah) bagi kes-kes tertentu dan fail permohonan milik terpaksa dikembalikan kepada Pentadbir Tanah untuk penilaian semula. Penetapan ini tidak bercanggah dengan Kaedah Tanah Negeri 1966 kerana ia selaras dengan penetapan mengikut kelas tanah dibawah Kaedah 10(b)A yang menetapkan "jumlah tidak kurang daripada" bagi setiap hektar bagi tanah pertanian.

6. Penetapan mengikut nilaiann pasaran lebih wajar kerana nilaiann tanah adalah dipengaruhi oleh jenis penggunaan semasa, syarat nyata serta lokasi tanah. Sementara penetapan premium perlu diambil kira dari segi status pemohon dan kemampuan pemohon serta tujuan pemohon untuk memperolehi tanah berkenaan.

7. Penetapan berasaskan nilaiann pasaran juga dikira lebih wajar memandangkan bagi tanah yang hendak diberimilikan untuk lain-lain kategori tidak ditetapkan denda dalam Kaedah Tanah Negeri 1966 dimana permohonan pemberimilikan juga kadang-kadang melibatkan tanah yang telah ada bangunan sebelum kelulusan patut diperolehi atau dibangunkan lebih awal dari kelulusan.

8. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan ini.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD D.P.S.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. *YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan.*
2. *YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.*
3. *YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.*
4. *YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.*
5. *YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.*
6. *YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.*
7. *YABrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.*

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO. : PTG.KN 32/69 Jld.4 (4)
BERTARIKH : 25 Rabiul Akhir 1436H
15 Februari 2015